

DATE: 4/11/2007

Kerajaan hargai sumbangan TM

KUALA LUMPUR 3 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menyampaikan penghargaan kerajaan kepada kakitangan Telekom Malaysia Berhad (TM) yang telah banyak membantu negara mencapai kemajuan.

Perdana Menteri memberitahu, penyediaan kemudahan telekomunikasi yang baik oleh TM merupakan salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kemajuan negara.

"TM yang bermula dengan Jabatan Telekom telah banyak membantu negara

membangun dan ucapan terima kasih perlu diberikan kepada kakitangan syarikat ini termasuk kakitangan yang telah berkhidmat sejak ia merupakan jabatan kerajaan iaitu Jabatan Telekom.

"Kerajaan ingin mengucapkan terima ka-

sih kepada semua kakitangan TM, terima kasih kerana memberi perkhidmatan yang baik kepada negara untuk jangka masa yang lama," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada sidang akhbar untuk mengucapkan terima kasih kepada kakitangan TM di lobi Menara TM di sini hari ini.

Perdana Menteri sebelum itu melancarkan buku kenangan terbitan TM bertajuk *Transformasi Sebuah Legasi* setebal 227 muka surat dan menghadiri rumah terbuka TM.


Turut hadir, isteri beliau, Datin Seri Jeanne Abdullah dan Pengerusi TM, Tan Sri Md. Radzi Mansor.

Buku itu terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama meliputi tempoh sebelum merdeka, bahagian kedua memfokuskan tahun-tahun pertumbuhan dari 1957 hingga 1987, manakala bahagian akhir mengisahkan usaha-usaha TM ke arah menjadi peneraju telekomunikasi di Asia.

Abdullah memberitahu, TM telah berkembang dengan pesat iaitu daripada sebuah jabatan kerajaan kepada sebuah syarikat global seperti yang ada sekarang serta beroperasi di banyak negara.

"TM telah berkembang dengan pesat dan tindakan untuk memecahkan syarikat kepada dua syarikat besar iaitu talian tetap dan telefon mudah alih merupakan satu strategi penting untuk meningkatkan kepercayaan.

"Apa yang kerajaan harapkan strategi ini akan berjalan dengan baik untuk menjadi sebuah syarikat telekomunikasi terulung di dunia," katanya.



ABDULLAH Ahmad Badawi mencuba telefon antik LM Ericsson sambil diperhatikan oleh Ir. Md. Radzi Mansor (kanan) pada majlis pelancaran buku *Transformasi Sebuah Legasi* di Menara TM, Kuala Lumpur, semalam.

um-4/11/2007